

# PM mahu China sertai G15

Ⓟ

Oleh Lichong Angkui

B.H 09 JUN 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata keanggotaan Kumpulan 15 (G15) boleh diperluas kerana bilangannya tidak dihadkan dan setakat ini ada beberapa negara ingin menganggotainya.

Menurutnya, antara negara yang dianggap ideal menyertai G15 ialah China, tetapi setakat ini tidak ada maklumat yang menyatakan mengenai minat negara berkenaan.

“Sebenarnya kita tidak menghadkan diri kepada 15 anggota saja. Nama G15 adalah angka semata-mata yang ditentukan tanpa sebab, hanya bertujuan untuk memudahkan proses penubuhan kumpulan ini.

“Seperti juga G77 yang kini mempunyai lebih 100 anggota. G15 boleh diperbesarkan jika ada negara yang berminat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Kumpulan Pakar Bagi Pertukaran Maklumat Mengenai Dasar-Dasar Ekonomi Negara G15 di sini, hari ini.

Mesyuarat itu dikelola oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Urusetia Persidangan Antarabangsa JPM.

Dr Mahathir berkata, sekarang pun ada 16 negara dalam G15, cuma

keanggotaan Yugoslavia tidak diiktiraf kerana belum ada lagi Yugoslavia yang sebenarnya.

Menurutnya, jika ada negara mahu menganggotai G15, terpulanglah kepada negara anggota sekarang menimbangkannya.

Anggota G15 sekarang ialah Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Zimbabwe dan Malaysia.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, adalah perlu bagi negara Selatan mengadakan kerjasama dengan rantau Asia Timur yang dianggotai banyak negara maju dan ekonominya berorientasikan industri.